

DBKL sasar 100 peratus hutan dikekalkan menjelang 2040

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) menyasarkan peningkatan sehingga 100 peratus pengekalan hutan dan kawasan rekreasi sedia ada di seluruh Kuala Lumpur menjelang 2040.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa memaklumkan DBKL turut menyasarkan nisbah 20 meter persegi kawasan tanah lapang per penduduk untuk dijadikan sebagai kawasan hijau.

Beliau berkata, perkara itu selaras dengan amalan terbaik yang ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

“Dalam usaha untuk mengoptimumkan perancangan pembangunan di KL, saya mengarahkan DBKL memastikan semua perancangan penggunaan tanah perlu dilaksanakan dengan teliti,

mampan dan berdaya saing demi memanfaatkan tanah lapang dan kemudahan rekreasi awam sedia ada yang meliputi 9.16 peratus daripada keseluruhan penggunaan tanah di kota ini,” katanya menerusi hantaran di Facebook, malam kelmarin.

Beliau berkata, penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) juga antara komitmen DBKL bagi memastikan pembangunan akan datang dilaksanakan dengan lebih terancang, berkesan dan memberi impak sosial yang positif kepada kehidupan serta ke sejahteraan warga kota.

Terdahulu, beliau memperkenyarisikan Mesyuarat Pusat Setempat (OSC) Khas selama tiga hari

dan berakhir kelmarin.

Mesyuarat itu bertujuan memastikan pembangunan di Kuala Lumpur adalah seimbang, khususnya dalam pengekalan dan penambahan kawasan lapang, penyediaan infrastruktur yang mencukupi, serta memastikan pembangunan di Kuala Lumpur adalah berdasarkan keperluan warga kota.

Dalam perkembangan lain, DBKL memaklumkan beberapa langkah dikenal pasti berhubung isu pengalihan struktur kuil dan beberapa bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Kinrara susulan kerja menaik taraf Jalan Mas, mukim Petaling.

Langkah dikenal pasti dalam mesyuarat pada 7 Jun lalu dipe-

ngerusikan Dr Zaliha antaranya adalah cadangan bagi menyusun semula kedudukan bangunan sekolah yang akan terjejas perlu dirujuk semula kepada PTG, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) serta Kementerian Pendidikan.

“Selain itu, meminta Pejabat Tanah dan Galian (PTG) yang diketuai PTG Selangor dan MBSJ menyelaras hal berkaitan milik tanah lot 65973 (bengkel besi buruk) serta mengenal pasti kesesuaian luas dan guna tanah untuk pengalihan sebahagian struktur bangunan sekolah yang terjejas.

“DBKL juga diminta merujuk isu kedudukan Kuil Hindu Jalan Kinrara ke Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI), Jabatan Wilayah Persekutuan dengan kehadiran Ahli Parlimen Batu bagi mendapatkan keputusan serta hala tuju,” menurut kenyataan itu.

DBKL dalam kenyataan sama memaklumkan pada 27 September 2021, kelulusan pindaan Perintah Pembangunan diberikan kepada Tetuan Fajarbaru Land (M) Sdn Bhd bagi cadangan pembangunan Pangsapuri Residensi Wilayah (1,604 unit) di atas Lot 101895, Jalan Mas, Mukim Petaling, Daerah Kuala Lumpur, Kuala Lumpur.

Berdasarkan kepada Laporan Penilaian Impak Trafik yang dikemukakan oleh perunding bagi pembangunan itu, terdapat cadangan menaik taraf Jalan Mas kepada empat lorong disebabkan jangkaan pertambahan bilangan kenderaan di laluan berkenaan apabila pembangunan Pangsapuri Residensi Wilayah siap sepenuhnya.

Cadangan menaik taraf Jalan Mas membabitkan perobohan beberapa struktur yang dibina di atas rizab jalan.



Dr Zaliha Mustafa